



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (1)
Tarikh : 20 Januari 2020

SIARAN MEDIA

KPKT SOKONG INISIATIF PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR DI MALAYSIA

PUTRAJAYA, 20 Januari 2019 - YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hari ini telah menyempurnakan Majlis Perasmian Pelepasan Kenderaan Elektrik Untuk Kegunaan Majlis Perbandaran Pengerang di bangunan KPKT, Putrajaya. Majlis ini diadakan sebagai tanda sokongan kementerian kepada inisiatif pembangunan Bandar Pintar di Malaysia termasuk usaha menjadikan Pengerang sebagai model Bandar Pintar di Johor.

Sokongan KPKT kepada perkara ini adalah sejajar dengan agenda utama dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) iaitu membangunkan bandar-bandar di Malaysia sebagai Bandar Pintar. Ini adalah selaras dengan hasrat YAB Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia untuk mewujudkan Bandar Pintar yang diintegrasikan dengan teknologi mampan dalam perkhidmatan bandar yang akan menambah baik keselamatan awam dan meningkatkan kualiti hidup rakyat negara ini.

Sehubungan itu, KPKT telah memperkenalkan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 September 2019. Rangka Kerja yang komprehensif ini merangkumi kesemua tiga peringkat kerajaan dan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan Bandar Pintar di Malaysia.

KPKT sebelum ini telah mengumumkan bahawa Pengerang dipilih untuk dijadikan model Bandar Pintar negara dan pelaksanaannya akan berpandukan Rangka kerja Bandar Pintar Malaysia yang telah disediakan oleh KPKT.

Justeru, dalam majlis ini, KPKT mengalu-alukan kerjasama antara Majlis Perbandaran Pengerang, syarikat Perisind Samudra Sdn Bhd dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dalam usaha memperkenalkan penggunaan kenderaan elektrik di Pengerang. Dua buah kenderaan berkuasa elektrik sepenuhnya jenis BYD E6 dari

pembuat kenderaan elektrik terbesar dunia, BYD Co. Ltd dari China telah dipinjamkan kepada Majlis Perbandaran Pengerang untuk digunakan dalam operasi mereka.

Penggunaan kereta elektrik oleh Majlis Perbandaran Pengerang ini adalah sebagai perintis bagi menjadikan Pengerang sebagai sebuah bandar bestari dan lestari di bawah 'flagship' program Pengerang Pintar, Inisiatif Hijau dan Bandar Karbon Rendah (*Low Carbon City*).

Inisiatif ini juga akan melibatkan proses penyelidikan dan pungutan data oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang akan bertanggungjawab mengumpul data serta menjalankan analisa berkaitan. UTHM, menerusi unit inovasi dan komersialisasinya telah dilantik sebagai perunding dalam memberi nasihat pakar dan panduan tentang pelaksanaan program Bandar Pintar di Pengerang.

KPKT juga menggalakkan lain-lain pihak berkuasa tempatan untuk menggandakan usaha untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif Bandar Pintar dalam kawasan pentadbiran masing-masing dan menggalakkan kerjasama dengan pihak swasta dalam pelaksanaannya.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*